



SIARAN MEDIA

NRES SOKONG PENUH AMANAT TAHUN BAHARU YAB PERDANA MENTERI FOKUS KESEJAHTERAAN RAKYAT PERKUKUH EKONOMI NEGARA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menzahirkan sokongan penuh terhadap Amanat Tahun Baharu 2026 oleh YAB Perdana Menteri, yang menggariskan komitmen Kerajaan dalam memperkukuh ekonomi, mempertingkatkan kebajikan rakyat serta memperkasa tata kelola negara.

Sebagai peneraju agenda kelestarian alam sekitar dan sumber asli negara, NRES komited untuk menyokong aspirasi YAB Perdana Menteri melalui pelaksanaan dasar dan program yang mampan, berimpak tinggi serta selaras dengan nilai Malaysia MADANI.

NRES juga akan memastikan pengurusan sumber asli negara menyumbang secara langsung kepada daya saing ekonomi, pemuliharaan biodiversiti serta peningkatan kualiti hidup rakyat melalui inisiatif seperti Program Penghijauan Malaysia, e-Tanah, pasaran karbon, dan teknologi pemantauan alam sekitar.

Menyahut seruan dan penekanan Kerajaan terhadap integriti perkhidmatan awam dan transformasi digital, NRES akan memperluas penggunaan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI) dalam operasi pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar bagi meningkatkan kecekapan penyampaian.

Dalam konteks pembangunan wilayah, NRES menyokong penuh usaha Kerajaan untuk menunaikan tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta memastikan Sabah dan Sarawak terus menerima perhatian yang sewajarnya dalam agenda pembangunan lestari negara.

Kerajaan kekal komited dalam memenuhi tanggungjawab di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Sebanyak sembilan daripada 13 tuntutan besar telah berjaya diselesaikan, termasuklah penyerahan kuasa pengoperasian Pelabuhan Bintulu kepada Kerajaan Sarawak mengikut perjanjian serta pelancaran Air Borneo.

Dari segi pembangunan, Sabah diperuntukkan dana sebanyak RM6.9 billion manakala Sarawak menerima RM6 bilion bagi tahun 2026, di samping rundingan pemberian khas 40% bagi Sabah yang kini sedang berjalan secara teratur. Langkah ini adalah bagi memastikan tiada wilayah yang terpinggir daripada arus kemajuan nasional.

NRES akan terus berdiri teguh di belakang kepimpinan YAB Perdana Menteri dalam memastikan khazanah alam negara diurus secara cekap, telus dan adil demi kemakmuran bersama dan kelangsungan generasi masa depan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
6 JANUARI 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia